

Graduan Kumpulan MSU College digalak terus teroka potensi, peluang

Oleh [Norzamira Che Noh](#) - Disember 12, 2023 @ 5:09pm

bhnews@bh.com.my



Mohd Shukri beramah mesra dengan graduan yang menerima anugerah khas kecemerlangan pada Majlis Graduasi Ke-26 Kumpulan MSU College, hari ini. - NSTP/FAIZ ANUAR

SHAH ALAM: Graduan Kumpulan MSU College digalakkan terus melangkah dan menerokai potensi serta peluang lain selepas menamatkan pengajian.

Presiden Kumpulan MSU College, Prof Tan Sri Dr Mohd Shukri Ab Yajid, berkata selari dengan usaha pendigitalan pendidikan, akses kepada pengajaran dan pembelajaran (PdP) kini semakin mudah menerusi pelbagai medium serta mod pembelajaran.

Beliau berkata, MSU menyediakan akses untuk melanjutkan pengajian ke peringkat seterusnya sebagai menggalakkan budaya pembelajaran sepanjang hayat pada pelbagai peringkat pengajian, termasuk kursus profesional menerusi pelbagai mod pembelajaran.

"Minggu konvokesyen MSU dimulakan dengan empat sidang Majlis Konvokesyen Management and Science University (MSU) Ke-32 pada 9 dan 10 Disember lalu yang menyaksikan seramai 2,531 graduan menerima skrol masing-masing. Pada majlis itu, 73 graduan terpilih sebagai penerima anugerah kecemerlangan dalam lima kategori utama.

"Graduan MSU College juga boleh mengambil contoh daripada kejayaan dan pencapaian graduan yang cemerlang. Jika dilihat pada latar belakang mereka, ia membuktikan sesiapa saja boleh berjaya asalkan memiliki kemahuan dan keazaman.

"Jangan pernah berasa rendah diri atau malu dengan kekurangan yang ada dalam diri. Di MSU dan MSU College, peluang serta akses pendidikan yang berkualiti diberikan kepada semua dengan sama rata," katanya ketika berucap pada Majlis Graduasi Ke-26 Kumpulan MSU College, di sini, hari ini.

Beliau berkata, di MSU dan MSU College, terdapat ramai pelajar daripada kategori B40 dan kurang kemampuan dibantu oleh Yayasan MSU untuk meneruskan pengajian serta berjaya menamatkan pengajian dengan cemerlang.

"Pendidikan berkualiti menjadi asas utama MSU College dalam memenuhi hasrat melahirkan 'a balance, holistic and well rounded graduates'.

"Hasil usaha yang berterusan dan kerja keras tanpa jemu, ramai alumni MSU College berjaya membina kerjaya masing-masing dalam pelbagai bidang," katanya.

Pada majlis itu, seramai 453 graduan daripada 20 program pengajian menerima diploma dan sijil masing-masing.

Sementara itu, penerima Anugerah Emas Presiden, Fadzim Aiman Jalani, 21, berkata restu ibu bapa dalam setiap perkara adalah penting kerana jika ia diredai, perjalanan selepas itu sudah pasti lebih mudah.

"Setiap perkara yang saya buat, saya akan maklumkan kepada ibu bapa sebab saya percaya, betapa pentingnya restu mereka.

"Alhamdulillah, hari ini membuktikan langkah yang saya ambil memberikan impak positif serta kebaikan untuk diri saya sehingga dinobatkan sebagai penerima Anugerah Emas Presiden," katanya yang juga graduan Diploma Perguruan dari MSU College Sarawak.

Beliau berkata, dirinya kini melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda di MSU College Sarawak, berikutan pengalaman menyeronokkan ketika pengajian diploma.

"MSU College banyak merubah diri saya untuk menjadi lebih baik. Fasilitas disediakan dan kualitas pengajaran juga bagus.

"Di MSU, ada satu subjek yang memfokus kepada pembangunan kemahiran insaniah (softskills) yang saya percaya akan lebih dipandang pihak industri berbanding pencapaian akademik semata-mata.

"Ini yang membuatkan saya suka belajar di MSU College," katanya.